

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(IX)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR  
YB. MUHAMMAD FAIZ BIN FADZIL**

8. Minta Kerajaan Negeri Pulau Pinang jelaskan status dalam program i-Sejahtera bagi Pelajar Emas.

**YB. PHEE BOON POH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

8. Program Skim Pelajar Emas merupakan salah satu daripada Program Bantuan Kebajikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah diperkenalkan sejak tahun 2012. Program yang memperuntukkan pemberian sebanyak RM 100 secara *one-off* kepada setiap pelajar yang layak dan sedang menuntut di Darjah 1, Darjah 4, Tingkatan 1, atau Tingkatan 4 ini telah dihentikan pelaksanaannya bermula pada tahun 2019.

Kerajaan Negeri telah menghentikan pelaksanaan program bantuan ini setelah Jawatankuasa Semakan Semula Program Kebajikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang mendapati terdapat pertindihan antara bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri ini dengan program-program bantuan Kerajaan Persekutuan terhadap golongan sasar yang sama. Program bantuan Kerajaan Persekutuan yang dimaksudkan ialah Bantuan Awal Persekolahan (BAP), Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM), dan Bantuan Rancangan Makanan Tambahan (RMT). Langkah ini diambil agar peruntukan Kerajaan Negeri dapat disalurkan secara adil dan optimum terhadap semua golongan yang layak.